

26 MAY 2000
Mahathir-HIV

JANGAN GADAI NYAWA UNTUK KESERONOKAN SEKEJAB, KATA DR MAHATHIR

JITRA, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa rakyat negara ini yang melancong ke negara luar supaya "mengawal nafsu" dan jangan terlibat dengan aktiviti yang boleh menyebabkan mereka dijangkiti penyakit yang tiada ubatnya.

Perdana Menteri berkata mereka boleh melawat negara-negara luar sama ada untuk membeli belah atau berjalan-jalan tetapi jangan sama sekali terlibat dengan perempuan-perempuan yang boleh menyebabkan mereka dijangkiti HIV.

"Saya dukacita ramai orang negara ini pergi ke Haadyai (Thailand) semata-mata kerana mahu berseronok. Saya minta orang kita kalau nak pergi ke negara luar, jangan buat kerja buruk itu. Banyak cara lagi kalau hendak berhibur," katanya ketika berucap di majlis mesra dengan pemimpin-pemimpin BN kawasan Parlimen Kubang Pasu, di sini.

"Sayangkan nyawa dan ingatkan kepada anak dan isteri bagi mereka yang sudah berkeluarga. Jangan gadai nyawa anda untuk menikmati keseronokan yang sekejap sahaja," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau khuatir bila mereka balik dari luar negara setelah terlibat dengan aktiviti buruk itu, mereka akan bawa bersama kuman HIV dan kemudian menyebarkannya kepada isteri dan mungkin orang lain.

Perdana Menteri turut membuat teguran mengenai pendedahan yang dibuat terhadap seorang suri rumah berusia 47 tahun di sini yang menerima darah yang dicemari HIV melalui pemindahan darah di Hospital Jitra hujung bulan lepas.

Katanya, sepatutnya perkara itu tidak dihebohkan kepada umum kerana ia boleh menjejaskan nama wanita berkenaan.

"Beliau belum lagi disahkan mengidapi HIV, kita tidak boleh mendedahkan seolah-olah beliau telahpun dijangkiti virus," katanya.

Darah yang diterima wanita itu, didermakan oleh seorang lelaki berusia 29 tahun yang mengakui beliau sering berkunjung ke negara jiran sejak berusia 17 tahun.

Dr Mahathir berkata ramai masyarakat dalam negara ini yang telah dijangkiti virus HIV dan identiti mereka tidak perlu didedahkan demi melindungi mereka.

Perdana Menteri turut membidas parti pembangkang yang cuba mengeksploitasi kes di Jitra itu demi kepentingan politik mereka.

"Sudah ada cubaan orang politik datang dan pengaruhi wanita berkenaan supaya kemukakan saman sampai RM100 juta. Niat orang ini semata-mata kerana hendak meraih undi sahaja," katanya.

Wanita berkenaan telah memfailkan saman menuntut ganti rugi RM100 juta melalui firma guaman Tetuan Karpal Singh & Co.

-- BERNAMA
MZM ARA RHM